19. Minyak sapi;
20. Asam jawa;
21. Makanan dari laut yang dikeringkan atau dijeruk;
22. Tepung beras;
23. Tepung jagung;
24. Tepung beras pulut; dan
25. Ubi katang.

## LAMPIRAN 13

### BARANG-BARANG KAWALAN BERJADUAL

---

**Barang-barang Yang Telah Di isytiharkan sebagai barang-barang Berjadual di Bawah Peraturan-Pjeraturan Kawalan Bekalan 1974**

1. Gula
2. Tepung Gandum
3. Minyak Masak
4. Baja Kimia
5. Petrol, spirit motor dari semua gred
6. Bahan api disel
7. Bar Keluli Lembut
8. Simen
9. Gas Petroleum Cecair
10. Roti

## LAMPIRAN 14

PERSATUAN PENGGUNA SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
No 33 , Tingkat 1 Jalan 52/18, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
Tel 03-7956 5398 , Fax 03- 7954 ,9968

### BORANG ADUAN

1. Nama Pengadu : \_\_\_\_\_
2. No. K/P : \_\_\_\_\_ Pekerjaan: \_\_\_\_\_
3. Alamat Rumah : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
4. Tel. (Rumah): \_\_\_\_\_ Tel. (Pejabat) : \_\_\_\_\_
5. Jenis Aduan (sila tandakan)
  - A. Air  A
  - B. Barangan Elektrik  B
  - C. Bank dan Institusi Kewangan  C
  - D. Dobi  D
  - E. Doktor  E
  - F. Elektrik  F
  - G. Harga  G
  - H. Insuran  H
  - I. Iklan  I
  - J. Jualan Lansung  J
  - K. Jualan melalui pos/katalog  K
  - L. Koperasi  L
  - M. Kenderaan  M
  - N. Makanan & Minuman  N
  - O. Peguam  O

**KATEGORI KESALAHAN DIBAWAH AKTA YANG DIKUATKUASA  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAH PENGGUNA  
SELANGOR DARUL EHSAN**

| KATEGORI                              | AKTA KAWALAN HARGA 1946  | AKTA TIMBANG & SUKAT 1972  | AKTA PERJUAL DAGANGAN 1972  | AKTA HAKCIPTA 1987  | AKTA SEWA BELI 1967   | AKTA JUJUAL LANGSUNG  |
|---------------------------------------|--|--|---|---|---|---|
| KESALAHAN BOLEH DI KOMPAUN            | Sek. 8(2) Tidak mem-<br>pikirkan lesen.<br>Per. 3(1) Tidak me-<br>letakkan tanda harga.                        | Sek. 14b(5) Menyerah<br>pernyataan palsu atau<br>membuat rekord palsu.<br>Sek. 18(1) Membuat<br>atau membaliki selain<br>dengan dilesenkan | Pada masa ini semua<br>kesalahan dibawah<br>akta ini boleh di<br>kompauun | Tiada   | Pada masa ini semua<br>kesalahan dibawah<br>akta ini boleh di<br>kompauun | Sek. 18(2) Gagal<br>menunjukkan kad kuasa<br>Sek. 19(1) Juualan pesan<br>an pos tidak mengikut<br>peraturan<br>Sek. 21 Memberi<br>maklumat palsu dalam<br>iklan |
| KESALAHAN<br>TIDAK BOLEH<br>DIKOMPAUN | Sek. 3(1) Menjual harga<br>melebihi harga<br>maksima<br>Sek. 12(3) Enggan<br>menjual barang-barang<br>terkawal | Sek. 16 Menggunakan<br>alat timbang dan sukat<br>yang palsu<br>Sek. 17 Memiliki alat<br>timbang dan sukat<br>yang palsu                    | Tiada   | Pada masa ini semua<br>kesalahan dibawah<br>akta ini tidak boleh<br>dikompauun. | Tiada   | Sek. 4(1) Perniagaan<br>Juualan Langsung tanpa<br>lesen yang sah<br>Sek. 5(7) Memberi<br>maklumat palsu<br>Sek. 7(2) Manjalankan<br>ekim piramid                |

UNDANG-UNDANG BERKAITAN DENGAN PERLINDUNGAN PENGGUNA

| UNDANG-UNDANG                                | PENJELASAN  | AGENSI PENGUATKUASA  |
|--|---|--|
| <p><b>Harga dan Bekalan</b></p>              |   |  |
| <p>1. Akta Kawalan Harga 1946</p>            | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi kuasa kepada Kerajaan menetapkan dan mengawal harga bagi barang-barangan tertentu.</li> <li>• Menetapkan penanda harga (price-tag) dan pelabelan.</li> </ul>   | <p>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna</p> |
| <p>2. Akta Kawalan Bekalan 1961</p>          | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengawal bekalan barang-barang kawalan bagi memastikan bekalan yang mencukupi.</li> <li>• Perbuatan menyorok atau enggan menjual barangan kawalan adalah menjadi kesalahan.</li> </ul>   | <p>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna</p> |
| <p>3. Akta Kawalan Padi Dan Beras, 1994.</p> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyimpan dan menyenggara suatu bekalan padi dan beras yang cukup.</li> <li>• Memastikan harga padi yang berpatutan dan stabil bagi petani-petani.</li> <li>• Memastikan harga beras yang berpatutan dan stabil bagi pengguna.</li> <li>• Membuat syor-syor kepada Kerajaan mengenai polisi bermaksud untuk menggalakkan kemajuan perusahaan padi dan beras dan jika diluluskan oleh Kerajaan untuk menyelaraskan dan membantu.</li> </ul> |  |

|   |  |   |
|---|--|---|
| <p>4. Akta Kawalan Sewa, 1966</p>                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi kuasa untuk menetapkan sewa kepada premis terkawal (cintrolled premises) dalam kawasan-kawasan Kerajaan Tempatan.</li> </ul>  | <p>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan</p>                              |
| <p>5. Akta Pengangkutan Jalan, 1987</p>                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengawal Perkhidmatan kenderaan awam</li> </ul>   | <p>Kementerian Pengangkutan</p>   |
| <p><b>Mutu Dan Keselamatan</b></p>                      |  |   |
| <p>6. Akta Standard Malaysia, 1966</p>                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan dasar, program, skim, projek dan aktiviti penstandatan, memajukan kecekapan dan pembangunan perindustrian serta keperluan perjanjian perindustrian.</li> <li>• Penganjuran dan pelaksanaan program akreditasi dan memberi pertimbangan mengenai kriteria dan prosedur berhubung dengan pengakreditasi maklumat perjanjian dan maklumat penentuan.</li> </ul> | <p>Jabatan Standard Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar</p> |
| <p>7. Akta Makanan, 1983</p>                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengawal penjualan makanan supaya tidak mengancam pengguna, antara memastikan kandungan bahan-bahan tidak membahayakan.</li> </ul>  | <p>Kementerian Kesihatan</p>  |
| <p>8. Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit, 1988</p> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berhubung dengan pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit.</li> <li>• Kuasa kepada pegawai Pembantu Kesihatan memasuki premis untuk membuat pemeriksaan.</li> </ul>  | <p>Kementerian Kesihatan</p>  |

|   |   |                                    |
|---|---|------------------------------------|
| <p>9. Akta Ubat (Iklan Dan Jualan), 1956</p>              | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengawal dan melarang iklan-iklan yang merujuk kepada mana-mana barang yang dikira boleh mempengaruhi kegunaan barang-barang tersebut sebagai ubat untuk tujuan merawat keadaan-keadaan teruk yang tertentu.</li> <li>• Semua iklan untuk ubat-ubatan wajib mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan.</li> </ul> | <p>Kementerian Kesihatan</p>       |
| <p>10. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994</p> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan ketetapan dan peraturan bagi yang komprehensif bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja dan juga untuk melindungi orang lain terhadap risiko kepada keselamatan atau kesihatan berkaitan dengan aktiviti orang yang sedang bekerja.</li> </ul>                  | <p>Kementerian Sumber Manusia</p>  |
| <p>11. Akta Kilang Dan Jentera, 1967</p>                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berkaitan dengan pengawalan kilang-kilang dan jentera berhubung dengan pendaftaran dan pemeriksaan jentera-jentera bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semua pihak yang terlibat.</li> </ul>  | <p>Kementerian Sumber Manusia</p>  |
| <p>12. Akta Racun Makhluk Perosak, 1974</p>               | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengawal pengimportan, pengeluaran, penjualan, penyimpanan racun-racun perosak dengan cara pendaftaran dan permit pengimport dan pengilang.</li> </ul>   | <p>Kementerian Pertanian</p>       |
| <p>13. Ordinan Binatang, 1953</p>                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengawal pengimportan dan pekeksportan binatang, burung dan bahan-bahan hasilan temakan hani mengelak</li> </ul>   | <p>Jabatan Perkhidmatan Haiwan</p> |

|   |   |  |
|---|---|--|
|   | <p>hasil temakan bagi mengelak berlakunya penyebaran penyakit dan menjamin keselamatan makanan hasil temakan.</p>   |  |
| <p>14. Akta Jualan Dadah, 1952</p>        | <ul style="list-style-type: none"> <li>Bertujuan mengawal dan membuat peraturan tentang pengimportan, pengeksporan, pengeluaran, penjualan dan penggunaan opium dan lain-lain dadah yang merbahaya.</li> </ul>  | <p>Kementerian Kesihatan</p>                                       |
| <p>15. Akta Racun, 1952</p>               | <ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk mengawal pengimportan, pemilikan, pengilangan, penyimpanan, pengangkutan, penjualan dan penggunaan sebarang racun.</li> </ul>  | <p>Kementerian Kesihatan</p>                                       |
| <p>16. Akta Kualiti Alam Sekeliling</p>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab dan menyelaraskan segala aktiviti berhubung dengan pembuangan bahan-bahan ke alam sekeliling bagi mencegah atau mengawal pencemaran serta melindungi dan memperbaiki kualiti alam sekitar.</li> </ul> | <p>Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar</p>               |
| <p>17. Akta Perihal Dagangan, 1972</p>    | <ul style="list-style-type: none"> <li>Melarang salah perihal mengenai barang-barang, emmberi pernyataan palsu/mengeliorukan tentang apa-apa perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan-kemudahan yang diadakan dalam perjalanan perdagangan.</li> </ul>     | <p>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna</p> |
| <p>18. Akta Pendaftaran Farmasi, 1951</p> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Memajukan perniagaan perikanan supaya lebih cekap dan berkesan.</li> </ul>   | <p>Kementerian Kesihatan</p>                                       |

|   |  |   |
|---|--|---|
| 19. Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, 1971 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memajukan perniagaan perikanan supaya lebih cekap dan berkesan.</li> <li>• Menyedia dan menyelaraskan kemudahan kredit.</li> <li>• Mengawal kegiatan curang dalam perniagaan/pemasaran ikan.</li> </ul> | Kementerian Pertanian                                       |
| 20. Akta Sewa Beli, 1967                      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sewa beli ialah menyewa barang-barang dengan hak pilihan membelinya.</li> <li>• Akta ini mengawal perniagaan sewa beli dengan menggariskan hak-hak pengguna yang dilindungi dalam akta ini.</li> </ul>  | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna |
| 21. Akta Insurans, 1966                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengawalselia industri insuran untuk memberi perlindungan kepada pemunya polisi insuran.</li> </ul>   | Bank Negara Malaysia  |
| 22. Akta Pemberi Pinjam Wang, 1951            | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta ini adalah untuk mengawal individu atau syarikat menjalankan kegiatan peminjaman wang untuk menjalankan kegiatan ini, lesen adalah diwajibkan.</li> </ul>  | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan                 |
| 23. Akta Pemegang Pajak Gadaai, 1972          | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewajibkan sesiapa yang menjalankan kegiatan ini mendapat lesen terlebih dahulu.</li> </ul>   | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan                 |
| 24. Akta Jualan Langsung, 1993                | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengawaseselia aktiviti jualan langsung pintu ke pintu dan melalui pos.</li> </ul>  | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal          |

|  |   |   |
|--|---|---|
| 25. Akta Timbang dan Sukat, 1972                               | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan yang unit-unit sukatan dan standard jisim atau sukat hendaklah berdasarkan kepada sistem unit antarabangsa.</li> </ul>  | Pengguna<br><br>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna |
| 26. Akta Pemaju-pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan), 1966 | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akta yang mengawal dan melesen kegiatan perumahan bagi memastikan tidak ada kegiatan-kegiatan yang menyeleweng di dalam industri tersebut.</li> </ul>  | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan                                 |
| 27. Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan, 1989           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengawalselia institusi-institusi yang menjalankan pemiagaan bank pemiagaan, syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan pembrokeran wang serta pemiagaan kewangan lain yang tertentu untuk memberi perlindungan kepada pendeposit dan pengguna perkhidmatan perbankan dan kewangan yang lain.</li> </ul> | Bank Negara Malaysia  |
| 28. Akta Bank Islam, 1983                                      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengawalselia institusi-institusi yang menjalankan pemiagaan perbankan Islam untuk memberi perlindungan kepada pendeposit dan pengguna perkhidmatan perbankan Islam.</li> </ul>  | Bank Negara Malaysia  |
| 29. Akta Takaful, 1984   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengawalselia industri takaful untuk memberi perlindungan kepada pemunya polisi takaful.</li> </ul>  | Bank Negara Malaysia  |

## Laporan akhbar mengenai rampasan barang tiruan (April 2001 – Mac 2002)

### 9 Mac 2002

Sebuah kilang yang pernah diserbu kerana memproses Panadol tiruan diserbu sekali lagi kerana dipercayai memproses Vicks Vaporub palsu selain menggunakan logo Halal pada pelbagai barangan berjenama Harun.

Polis turut merampas 1,872 botol jus asam jawa bernilai RM2,250, 32 botol Vicks Vaporub bernilai RM150 dan 1,976 bungkusan rempah pelbagai jenis bernilai RM2,000.

### 3 Mac 2002

Polis menumpaskan sindiket memproses pelbagai jenis ubat dan minuman kesihatan palsu yang dipercayai dibekalkan kepada kira-kira 30 peratus kedai runcit di Selangor.

Polis turut merampas 56,350 butir Panadol bernilai RM7,780; 48 dozen Eye-Mo (RM3,744), 3,360 botol syampu (RM30,240), 190 karton rokok seludup (RM10,000) dan 114 karton rokok tiruan (RM2,000).

Tiga lelaki termasuk pengarah urusan syarikat berusia 33 tahun ditahan dalam serbuan itu serta dua lelaki warga Indonesia, masing-masing berusia 38 dan 25 tahun.

### 11 Januari 2002

Tiga serbuan Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mendedahkan pewangi jenama yang dilabel import dari Eropah dan Amerika Syarikat, tetapi dijual murah di tepi jalan di sini sebenarnya dihasilkan di Indonesia.

Dalam serbuan itu, 25,000 botol minyak wangi jenama Christian Dior dan Kenzo dirampas dari dua gudang tempat simpanan pelbagai barangan tiruan di Taman Industri Bolton, Batu Caves.

Bagaimanapun, minyak wangi bernilai RM265,000 itu hanyalah sebahagian daripada puluhan ribu botol minyak wangi tiruan pelbagai jenama lain yang turut disimpan di situ termasuk Tommy, Polo

dan Benetton.

Antara barangan tiruan lain yang dijumpai ialah beg, jaket kulit, baju T, topi, beg duit dan kasut pelbagai jenama terkenal seperti Ferrari, Mercedes Benz, Marlboro, Oakley, Body Glove, Adidas dan Nike yang bernilai jutaan ringgit.

### 19 Oktober 2001

NGK Spark Plugs (M) Bhd menawarkan hadiah wang tunai kepada orang ramai yang memberikan maklumat sehingga tertumpasnya kumpulan yang dikatakan meniru produk mereka.

Siasatan mendapati kemungkinan palam pencucuh tiruan diimport dari China.

Harga palam pencucuh tiruan adalah sekitar RM3 manakala yang asli RM4.50.

Dalam operasi selama hampir tiga jam sebanyak 44 palam pencucuh tiruan dirampas di sebuah kedai membaiki dan menjual aksesori motosikal di sekitar Seksyen 27 Shah Alam.

### 28 April 2001

Tujuh pemilik premis menjual peralatan dan aksesori telekomunikasi tiruan berputih mata apabila mereka diserbu pihak berkuasa di Plaza Sungai Wang.

Rampasan itu yang diangap terbesar dianggarkan RM83,000 membabitkan kira-kira 7,000 unit barangan meliputi pelbagai jenis kelengkapan alat telefon bimbit.

### 6 April 2001

Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan merampas 142,102 butir pil jenama Panadol dipercayai tiruan bernilai RM20,500, di sebuah premis di Kampung Tanjung Chat, Kota Bharu.

Rampasan itu berikutan serbuan mengejut dua pegawai penguatkuasa kementerian itu bersama dua wakil syarikat pengeluar pil itu bagi menjalankan siasatan berhubung pengedaran bahan itu.

# Peniaga diminta patuhi harga maksimum

3/2/02 p.m.  
Oleh SAUFI HAMZAH

SEBERANG PRAI: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna mengingatkan peniaga supaya tidak menaikkan harga maksimum bagi semua barang kawalan sewenang-wenangnya menjelang perayaan Tahun Baru

Cina, tahun ini.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata peniaga perlu menunaikan jaminan yang diberikan dalam perbincangan dengan kementerian itu bagi menetapkan harga maksimum barang kawalan itu.

Beliau berkata, kementerian itu sudah membuat persiapan perlu

bagi memastikan peniaga mematuhi harga maksimum yang ditetapkan.

"Kita berharap tidak ada peniaga melanggar peraturan ini. Bagi Tahun Baru Cina tahun ini, tiada peningkatan dalam harga maksimum berbanding tahun lalu," katanya selepas perasmian serentak persidangan cawangan

Umno Bahagian Bagan, di sini, semalam.

Antara barang kawalan bagi Tahun Baru Cina adalah ayam bersih, daging tempatan, daging kerbau import India, ikan bawal putih, udang putih besar, telur ayam gred A, kubis panjang Cina, kubis bulat dan ubi kentang dari Indonesia.

Harga maksimum bagi barang itu akan berkuatkuasa dari Selasa ini hingga 19 Februari depan.

Muhyiddin berkata, tiada cadangan menambah jenis barang kawalan kerana jumlah sekarang mencukupi.

"Permintaan terhadap barang kawalan agak rendah. Kalau peniaga sengaja menaikkan harga,

tidak ada orang akan beli," tambahanya.

Senarai harga maksimum barang kawalan itu adalah untuk 138 daerah seluruh negara, dengan harga maksimum paling rendah ialah 19 sen bagi sebiji telur di Jempol, Negeri Sembilan dan tertinggi ialah RM60 bagi sekilogram udang putih besar di

Pulau Pinang.

Bagi ikan bawal putih pula, ia dibahagikan kepada dua kategori mengikut berat dan saiz bagi mengelak peniaga daripada menipu.

Mengenai limau mandarin pula, Muhyiddin menjangkakan harganya lebih murah berikutan bekalan yang banyak.

# Lesen dibatal jika edar VCD lucah

Oleh Sitti Nor  
Azizah Talata

KOTA KINABALU, Khamis - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengenakan hukuman lebih berat termasuk membatalkan lesen pengedar video cakera padat (VCD) yang didapati mengedar VCD lucah.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata tindakan keras itu perlu bagi membendung masalah pengedaran VCD lucah secara berleluasa kepada orang ramai yang berlaku sekarang.

Beliau berkata, operasi bersepadu membatalkan pelbagai agensi kerajaan termasuk kementeriannya, Finas, pihak berkuasa tempatan dan polis dapat membanteras kegiatan haram berkenaan.

"Sebelum ini kita sudah adakan operasi bersama tetapi pendekatan lebih meluas dan menyeluruh amat perlu kerana sejak kebelakangan ini pengedar semakin berani menjual VCD lucah sama seperti bahan cetak rompak," katanya.

Tindakan keras itu perlu bagi membendung masalah pengedaran VCD lucah secara berleluasa kepada orang ramai yang berlaku sekarang

Muhyiddin berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Dialog Pengguna di Magellan Sutra Hotel, hari ini. Turut hadir Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Raymond Tan Shu Kiah dan Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP Sabah, Rosli Ahmad.

Beliau berkata, kementeriannya mengenal pasti, 5,000 pusat pengedaran bahan lucah di seluruh negara.

Katanya, berbeza dengan cakera padat kerana ia perlu membayar royalti, namun dalam isu pengedaran VCD lucah, tidak ada pihak yang akan menuntut atau mendapat royalti.

Sebaliknya, keuntungan daripada menjual bahan lucah itu hanya menguntungkan pengedar yang menyalahgunakan lesen yang dikeluarkan oleh kementerian.

Justeru, katanya satu

mesyuarat akan diadakan bagi membincangkan perkara itu termasuk langkah dan jumlah kakitangan yang terbabit dalam operasi berkenaan.

Muhyiddin juga berkata, pihaknya akan menawarkan hadiah kepada sesiapa yang memberi maklumat tepat lokasi pekilang mesin yang membuat serta mengedar VCD lucah di setiap negeri.

"Pengusaha berkenaan beroperasi secara haram, sebab itu kita perlu dapatkan maklumat tepat.

"Polis memaklumkan kementerian, dianggarkan sebanyak 30 hingga 90 kilang haram beroperasi. Jadi saya nak dapatkan kepastian angka itu dan di mana mereka beroperasi," katanya.

Sehubungan itu, katanya, usaha besar-besaran akan dijalankan dalam tempoh terdekat menghapuskan bahan lucah, oleh itu kerjasama orang ramai amat mustahak.

# Operasi bersepadu seluruh negara banteras VCD lucah

## Oleh Kamaruzaman Ptd

LUMUT, Khamis - Kementerian Dalam Negeri akan melancarkan operasi bersepadu di seluruh negara dalam usaha melumpuhkan pengedaran video cakera padat (VCD) lucah di pasaran, dalam tempoh terdekat ini.

Timbalan Menteri, Datuk Zainal Abidin Zin, apabila operasi bersepadu itu dilancarkan, tindakan dan hukuman lebih tinggi akan dikenakan terhadap mereka.

Apabila operasi bersepadu itu dilancarkan, tindakan dan hukuman lebih tinggi akan dikenakan terhadap pengedar VCD lucah

"Kita hendak memaklumkan kepada pengedar VCD lucah, supaya menghentikan kegiatan ini dari sekarang...bila operasi bersepadu ini dijalankan, mereka akan dikenakan hukuman dan denda lebih tinggi," katanya selepas merasmikan majlis penutup Kem Pintar 2001

di Stadium Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Pangkalan Lu-

mat di sini, hari ini. Kem Pintar 2001 dianjurkan Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) memabitkan seramai 406 pelajar daripada 25 sekolah rendah di seluruh Wilayah Persekutuan.

Pengusaha VCD lucah boleh dikenakan tindakan buang daerah dan juga boleh dihukum mengikut Seksyen 292 dan 293 Kanun Keseksaan yang boleh didenda sehingga RM10,000 atau lima bulan penjara atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

"Baru-baru ini, Ketua Penguatkuasa Bahagian C (Kawalan Penerbitan Filem dan Teks al-Quran), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Mamat Ibrahim, mendedahkan ter-

dapat kira-kira 40 kilang pengeluaran video dikenal pasti menerbitkan video lucah.

Zainal Abidin berkata, masalah besar dihadapi Kementerian ketika ini adalah untuk bertindak terhadap pengeluar ialah VCD lucah yang dibawa masuk ke negara ini.

"Pita dan VCD lucah ini diproses di negara luar dan kemudian dibawa masuk ke negara ini.

"Bahan ini diproses dengan banyak membolehkan mereka menjualnya dengan lebih murah," katanya.

# Tanda harga: Semua bengkel diarah patuhi arahan kerajaan

KUALA LUMPUR 9 Mac — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mahu semua pengusaha bengkel patuh dengan arahan kerajaan supaya mereka meletakkan tanda harga alat ganti kereta dan caj perkhidmatan mulai 1 Julai ini.

Setiasaha Parlimen Kementerian berkenaan, Wong Kam Hoong berkata, jika arahan itu tidak dipatuhi, kerajaan tidak akan teragak-agak mengenakan tindakan ke atas pengusaha bengkel terbabit mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

Beliau berkata, selepas 1 Julai ini bahagian penguatkuasaan Kementerian akan

membuat pemeriksaan di bengkel-bengkel kereta di seluruh negara bagi memastikan arahan itu dipatuhi sepenuhnya.

"Dalam hal ini pendirian Kementerian adalah jelas iaitu para pengguna perlu mengetahui harga alat ganti dan caj perkhidmatan yang dikenakan terlebih dahulu sebelum membeli kereta yang rosak.

"Setidak-tidaknya pengguna tahu kos sebenar membeli kereta berdasarkan kepada harga yang dipamerkan. Dengan cara ini juga ia dapat mengelakkan berlakunya kes penipuan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas

merasmikan Majlis Pelancaran Hari Bersama Pelanggan Kementerian tersebut di sini, hari ini.

Kelmarin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan semua bengkel membeli kereta akan divalidkan memamerkan tanda harga bagi alat ganti kenderaan dan caj perkhidmatan berkuat kuasa 1 Julai ini.

Bagaimanapun Presiden Persekutuan Persatuan Pemilik Bengkel Malaysia (PPBM), Cho Chee Seng pada kenyataannya hari ini menyifatkan peraturan tersebut sebagai kurang praktikal selain akan menimbulkan banyak masalah teknikal.

Mengulas lanjut Wong menegaskan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan itu bukannya untuk mengawal harga alat ganti kereta tetapi untuk memberi peluang kepada pengguna membuat pilihan.

"Saya meminta arahar ini tidak disalah anggap oleh mana-mana pihak terutama daripada golongan pengusaha bengkel," katanya.

Beliau juga memberitahu, sepanjang dua tahun Tribunal Tuntutan Pengguna ditubuhkan lebih 50 kes daripada kira-kira 1,200 kes yang difailkan adalah berkaitan dengan kes bengkel kereta.

Ahad 2/9/71 minggu

# Etika Rukun Niaga akan diperkenalkan

Oleh MOHD. LAZIM ENDUT

KUALA TERENGGANU 1

Sept. — Etika perniagaan dikenali sebagai Rukun Niaga Malaysia akan diperkenalkan di negara ini tidak lama lagi dijangka mampu membendung amalan peniaga tidak bermoral termasuk mereka yang gemar mengadakan pakatan menaikkan harga barangan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin berkata, etika itu yang menekankan

sistem nilai itu kini dalam proses terakhir penyediaan draf oleh Majlis Penasihat Pengguna.

"Setelah draf itu siap, beralah ia dikemukakan kepada pihak kerajaan untuk diteliti lanjut. Antara kandungan draf itu ialah menyentuh pelbagai aspek termasuk corak perniagaan negara pada masa hadapan.

"Etika Rukun Niaga merupakan susulan daripada etika perniagaan Islam yang diperkenalkan sebelum ini dengan berpandukan kepada nilai-nilai perniagaan sejagat," katanya kepada pemberita sele-

pas majlis seminar dan dialog pengguna di hotel Grand Continental di sini, hari ini.

Menurut Muhyiddin, amalan perniagaan beretika adalah untuk memastikan setiap peniaga memikul tanggungjawab sosial terhadap pengguna dengan mengamalkan perniagaan yang sihat.

Beliau berkata, undang-undang sahaja tidak mampu menjamin berlakunya penyelesaian, penindasan, penipuan atau amalan perniagaan tidak bermoral selagi tidak ditangani bersama.

Menurut beliau, etika itu bukan satu undang-undang

dan arahan, sebaliknya merupakan usaha untuk menggalakkan para peniaga sentiasa beretika ketika menjalankan perniagaan masing-masing.

"Ini perlu bagi memastikan para peniaga tidak bertindak sesuka hati untuk menguasai pasaran dengan berpakat menyorok dan menyimpan barang bagi menaikkan harga yang tinggi.

"Sejak kebelakangan ini, amalan tidak sihat seperti ini semakin menular walaupun kerajaan telah menguatkuasakan sebanyak 21 undang-undang yang berkaitan bidang perniagaan," jelas beliau.

1.10  
Smb 29/9/01

# Operasi VCD: Penguat kuasa terpaksa acu pistol

Oleh Junita Mat Rasid

KUALA LUMPUR, Ahad - Anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) terpaksa mengacukan pistol dalam usaha menyelamatkan diri apabila diserang lebih 30 lelaki, dalam operasi banteras cakerua pada video (VCD) cetak rompak di Jalan Petaling, malam.

Bagaimanapun, mereka tidak melepaskan tembakan kerana sebarang aakan mengenai orang awam yang turut ada di tempat kejadian. Menurut sumber, 11 pe-

Tindakan itu terpaksa diambil bagi menyelamatkan diri apabila mereka diserang 30 lelaki dalam operasi di Jalan Petaling

gawai penguat kuasa itu yang menyertai operasi bermula kira-kira jam 4 petang, tidak dapat berbuat apa-apa apabila diserang sekumpulan lelaki yang kebanyakannya bersenjatakan besi.

Katanya, mereka cuba melawan untuk mempertahankan diri tetapi tidak mampu apabila dipukul tanpa belas kasihan. "Hanya apabila dua anggota kami mengeluarkan pistol dan mengacunya ke

udara, barulah kumpulan itu melarikan diri," katanya sambil menambah dua anggotanya turut mengalami cedera ringan dalam serangan itu.

Dalam kejadian kira-kira jam 6 petang semalam, penguat kuasa KPDNHEP itu dikatakan diserang sekumpulan peniaga yang tidak berpuas hati dengan operasi berkenaan. Serangan itu berlaku ketika anggota penguat kua-

sa sedang menunggu lori untuk memuatkan VCD dan CD yang dirampas itu.

Menurut sumber itu lagi, anggota kumpulan tersebut mengambil kesempatan merampas semula herkotak VCD dan CD ketika serangan dilakukan.

"Kami tidak dapat berbuat apa-apa kerana sedang menunggu lori untuk mengangkut barang rampasan. Sebelum ini kami pernah menjalankan operasi tetapi kali ini mereka begitu agresif dan hanya melarikan diri apabila melihat kami keluaran pistol," katanya.

Beliau yakin, kejadian itu tidak mematahkan semangat anggota penguat kuasa

untuk meneruskan operasi membanteras VCD dan CD haram.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Bandaraya, Senior Asisten Komisioner Il Kamaruddin Che Din, berkata pihaknya sudah menaham beberapa lelaki dipercayai terlibat dalam serangan itu.

Katanya, polis melancarkan operasi mengesan kumpulan itu selepas menerima laporan daripada pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang diserang.

"Kita menghantar anggota ke kawasan itu selepas menerima maklumat me-

ngenainya dan berjaya menaham beberapa orang lelaki yang disyaki," katanya.

Beliau difahamkan operasi penguat kuasa itu dijalankan tanpa membabitkan anggota polis.

"Polis tidak tahu mengenai operasi yang dijalankan itu. Penguat kuasa KPDHEP mempunyai kuasa menjalankan operasi tanpa bantuan atau kerjasama polis," katanya.

Beliau meminta kerjasama orang ramai yang melihat kejadian itu atau mempunyai sebarang maklumat supaya menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi di talian 03-2302222.